

**Puteri, Wanita Dahului Pengumuman Keputusan Pemilihan Sayap Umno  
Bernama  
12 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Calon Ketua Pergerakan Puteri Umno Mas Ermieyati Samsudin memperoleh tujuh undi manakala calon Ketua Wanita Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil meraih satu undi pada pemilihan parti, setakat 4.40 petang ini.

Keputusan pertama pemilihan Umno yang berlangsung di 191 bahagian itu diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Tan Sri Tajol Rosli Ghazali di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Tujuh undi yang diterima Mas Ermieyati ialah dari bahagian Sungai Petani, Tambun, Tapah, Jempol, Labis, Sekijang dan Kota Melaka.

Pencabarnya Jamilah Hanim Othman pula memperoleh dua undi dari bahagian Simpang Renggam dan Pasir Gudang.

Satu undi yang diraih Shahrizat itu ialah dari bahagian Labuan.

Tiada keputusan undi bagi Pergerakan Pemuda diumumkan setakat 4.40 petang.

Pemilihan ketiga-tiga sayap itu melibatkan kira-kira 230,000 perwakilan iaitu 110,765 perwakilan Wanita, 70,000 Pemuda dan 50,000 Puteri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985223>